

Hubungan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Metakognitif Terhadap Pengajaran Secara Kerja Buat dalam Kalangan Guru Sains Sekolah Rendah di Daerah Jempol

Punnithann Subramaniam dan Tajularipin Sulaiman

Abstrak -- Kajian ini akan mengkaji hubungan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan metakognitif terhadap pengajaran secara kerja buat dalam kalangan guru sains sekolah rendah di daerah Jempol. Objektif kajian ini ialah, untuk melihat hubungan kemahiran berfikir aras tinggi dan metakognitif terhadap pengajaran secara kerja buat dalam kalangan guru sains sekolah rendah di daerah Jempol. Reka bentuk kajian ini ialah secara kaedah deskriptif dan korelasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Kajian ini akan menggunakan Formula Pengiraan Sampel Cochran (1977) dan Jadual Menentukan Sampel Saiz Berdasarkan Saiz Populasi Krejcie and Morgan (1970) untuk menentukan bilangan sampel. Data analisis yang akan digunakan ialah ujian-t dan regresi. Jumlah populasi guru Sains daerah Jempol ialah 135 guru dan seramai 108 sampel akan dipilih untuk kajian ini. Kajian ini akan memberi impak kepada guru-guru sains di daerah Jempol untuk lebih memfokuskan kepada KBAT dan metakognitif dalam pengajaran secara kerja buat.

Kata Kunci -- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Metakognitif, Pengajaran Secara Kerja Buat